

Amaran negara akan hancur

Dr. M kesal terdapat
ucapan setengah anggota
parti komponen BN
—bersifat chauvinistik

KELANG 14 Mei 1978 — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran negara akan hancur jika pemimpin-pemimpin politik di tanahair tidak dapat membendung perasaan perkauman mereka.

Timbalan Perdana Menteri kesal kerana terdapat ucapan dari setengah anggota parti komponen Barisan Nasional sendiri yang agak keterlaluan dan bersifat chauvinistik.

Berucap merasmikan kursus sivik untuk pemimpin-pemimpin UMNO sekitar Dacrah Kelang, di Dewan Hamzah di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir, yang juga Naib Presiden UMNO, mengingatkan pemimpin-pemimpin politik supaya menyedari

hakikat kedudukan Malaysia dengan masyarakat berbilang kaum. Beliau menegaskan di hadapan lebih 1,000 orang yang memenuhi dewan itu bahawa berbagai bantuan yang diberikan kepada masyarakat bumiputera hari ini dibuat dengan persekutuan kaum-kaum lain.

Katanya tanpa perseutujuan itu dan tanpa perhubungan baik antara umat Melayu dengan kaum-kaum lain sudah tentu negara akan menghadapi kehancuran.

"Kalau kita tidak sanggup membendung dan mengawal perasaan maka negara kita tentunya akan turut mengalami kehancuran," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bagaimana ketika menyerahkan kemerdekaan kepada Tanah Melayu dahulu, Kerajaan British menyangka negara ini akan lumpuh baik dari segi ekonomi, politik, mahupun kestabilan keselamatannya.

Katanya, ini kerana pihak British menjangka porak peranda dan kacau bilau akan meletus di Tanah Melayu setelah pemergian mereka memandangkan keadaan rakyatnya yang berbilang kaum.

"Sangkaan British itu jauh meleset dari hakikatnya bila Malaysia berjaya memperteguhkan kedudukan ekonominya bertolak dari persefahaman yang wujud di antara masyarakat berbilang kaum di negara ini," ujarinya.

Timbalan Perdana Menteri terdahulunya melahirkan rasa kecewa kerana banyak majlis perjumpaan yang diadakan seperti kursus sivik ini menjadi forum untuk meluahkan perasaan dan medan untuk membuat desakan.

"Majlis seperti ini tidak akan memberi kesan yang baik jika orang-orang yang menghadirinya tidak datang dengan fikiran terbuka untuk menerima sesuatu yang baik," jelasnya.

Dalam hal ini, Datuk Sri Dr. Mahathir meminta pemimpin-pe-

mimpin setempat, pemimpin-pemimpin UMNO terutamanya, supaya bertanya diri sendiri tentang apa yang telah mereka lakukan dan apakah tindakan yang harus diambil untuk memperbaiki kedudukan masyarakat sekeliling mereka.

Peranan

Katanya, setiap orang yang merupakan anggota masyarakat, tidak mengira seorang pekerja buruh atau pemimpin, mempunyai peranan masing-masing untuk membangun dan memajukan masyarakatnya.

"Kalau ia seorang penganggur, maka dia melatih dirinya untuk menjadi tenaga masyarakat yang berguna. Tiap orang mesti faham tentang tanggungjawab masing-masing untuk memastikan kemajuan masyarakat itu", katanya lagi.

Bercakap mengenai kekayaan hidup, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kekayaan tidak datang begitu saja, ia mesti dicari dan diusahakan.

Beliau kemudian menarik perhatian bagaimana Afghanistan di barat Asia jatuh di bawah pemerintahan kerajaan komunis hari ini akibat dari kemiskinan yang melanda negara itu.